



KL FESTIVAL 2026 MENCETUS GELOMBANG KEBUDAYAAN MERENTASI PUSAT BANDAR KUALA LUMPUR

KL Fest akan kembali semula pada tahun 2027 setelah berjaya mengadakan lebih daripada 150 acara, pengaktifan dan kerjasama yang mentransformasikan kawasan bersejarah utama ibu kota

KUALA LUMPUR, 30 MEI 2026 – KL Festival 2026 (KL Fest) melabuhkan tirainya dengan satu pesanan yang jelas: Kuala Lumpur bukan sekadar membangunkan sebuah festival, tetapi ibu kota ini sebenarnya sedang membina sebuah gerakan kebudayaan. Sepanjang 26 hari, KL Fest telah memberi nafas baharu kepada Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui lebih daripada 80 aturcara dan 700 jam yang terdiri daripada persembahan, seni instalasi, teater, tarian dan pengalaman komuniti merentasi pelbagai bangunan warisan dan ruangan awam. Dengan 90 peratus daripada pengisiannya percuma dan terbuka kepada orang ramai, KL Fest berjaya menunaikan janjinya iaitu festival ibu kota ini milik semua.

Festival ini dianjurkan oleh Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan sokongan Kementerian Kewangan dan Jabatan Wilayah Persekutuan, serta dikuasakan oleh Maxis. KL Fest terbentuk daripada sebahagian besar usaha bagi memulih semula Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui pengaktifan seni, budaya dan komuniti.

Pada asalnya, aturcara festival yang disusun rapi ini serta-merta berkembang menjadi sesuatu yang di luar jangkaan. Walaupun pada awalnya KL Fest mensasarkan sebanyak 80 aturcara untuk dikurangkan dan disokong, pesta ini akhirnya menyaksikan sebanyak 150 persembahan, kerjasama, pengaktifan dan pengalaman yang diterajui oleh komuniti apabila artis, peniaga, institusi, kumpulan kebudayaan dan komuniti setempat tampil untuk turut serta inisiatif ini.

Sambutan yang berlaku membuktikan bahawa pelaburan terhadap kepentingan awam dapat membuka peluang yang lebih luas untuk penyertaan, perkongsian dan penglibatan semula orang ramai dengan kawasan-kawasan bersejarah. KL Fest turut memupuk semangat kedutaan yang semakin menebal dalam mewakili Kuala Lumpur tatkala ribuan pengunjung berkumpul untuk menemui semula dan secara kolektif menghayati bandar ini dengan sudut pandang baharu.



“KL Festival telah membuktikan dirinya sebagai festival bandar antarabangsa yang mewakili Kuala Lumpur. Ianya mencerminkan aspirasi bandar yang ingin kita bangunkan—yang terbuka, kreatif dan inklusif, terhubung secara global, pada masa yang sama masih terikat dengan warisan, kebudayaan dan masyarakat setempatnya,” jelas Yang Berhormat Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dalam majlis penutup KL Fest. “

“Saya menyaksikan secara langsung tenaga yang disuntik ke dalam jalanan, ruangan warisan dan komuniti kita, serta rasa bangga yang terus disemarakkan terhadap identiti Kuala Lumpur. KL Festival telah berjaya merealisasikan visinya untuk membawa barisan penggiat seni terbaik masa kini ke Kuala Lumpur, sambil memastikan festival ini kekal mudah diakses dan mengalu-alukan kedatangan semua orang. Saya dengan sukacitanya membawakan berita gembira bahawa KL Festival bakal kembali pada bulan Mei tahun hadapan dan saya berharap edisi seterusnya akan menerokai tema kebaikan, empati, perpaduan, dan harapan yang mencerminkan kekuatan serta kepelbagaian Malaysia. Seiring dengan perkembangan berterusan KL Festival, kami mengalu-alukan kerjasama rakan kongsi, komuniti, penggiat kreatif dan institusi untuk bersama-sama dengan kami dari peringkat awal bagi memperkukuh kedudukan Kuala Lumpur sebagai platform budaya antarabangsa untuk Malaysia dan rantau ini,” katanya lagi.

Majlis penutup tersebut turut menyaksikan pengumuman *Asia Music Games* (AMG) Kuala Lumpur 2026. Dianjurkan oleh Yayasan Amanah Industri Kreatif Kebangsaan (YAIKK) dan disahkan oleh Konfederasi Pancaragam Asia (AMGC), AMG Kuala Lumpur 2026 akan berlangsung pada 4 hingga 13 September 2026 dan menghimpunkan kira-kira 7,000 peserta tempatan serta 3,000 peserta antarabangsa dari sembilan negara merentasi 105 acara pingat—dalam format ala Olimpik yang diadakan buat julung kali seumpamanya bagi dunia muzik.

“Tema KL Festival pada tahun ini, *Ingatan dan Masa Depan (Memory and Tomorrow)*, menjemput kedua-dua penghuni dan pengunjung ibu kota ini untuk menghayati bagaimana ingatan dan budaya terus menjadi denyut nadi sebuah bandar milik penggiat seni, komuniti dan masyarakatnya, pada masa yang sama mencerminkan bagaimana pertembungan budaya Kuala Lumpur yang kaya terus berkembang menuju masa hadapan. Setelah sebulan meraikan kreativiti, budaya dan kebersamaan, persembahan Pancarangan di Dataran Merdeka dibawakan oleh generasi muda menyimpulkan semangat kita melangkah ke hadapan dengan harapan dan tekad untuk terus memperkasa dan menyemarakkan lagi landskap budaya Kuala Lumpur—kota yang kita cintai bersama,” tambah June Tan, Pengarah Artistik KL Fest.



Sejak awal lagi KL Fest mempunyai sasaran yang lebih besar iaitu sebuah kota yang kreatif, berbudaya, dan komunitinya terhubung, serta titik pertemuan itu mampu menjana nilai yang berkekalan dari sudut ekonomi, sivik dan kebudayaan. Seajar dengan inisiatif nasional Warisan KL, pengiktirafan bandar raya ini sebagai Bandar Kreatif Reka Bentuk UNESCO, serta Tahun Melawat Malaysia 2026, pesta ini menjadi satu mercu tanda dalam perjalanan panjang yang sedang ditempuh.

Yang Berbahagia Dato' Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Pengurusan Think City turut berkata, "Apa yang menjadikan KL Festival ini istimewa adalah bagaimana festival ini begitu bersangkut-paut dalam struktur bersejarah Kuala Lumpur itu sendiri. Kami berusaha untuk menghidupkan kembali jalanan, bangunan warisan, ruangan awam dan kawasan kejiranan sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih besar untuk menghubungkan semula masyarakat dengan Pusat Bandar Kuala Lumpur. Sebuah kota yang hebat akhirnya dibentuk oleh ruang sosialnya—tempat masyarakat berkumpul, berinteraksi dan secara kolektif menghidupkan nadi kota. Pada akhirnya, usaha ini adalah mengenai penjaan semula bandar dalam jangka masa panjang yang melihat budaya sebagai pemangkin kepada kehidupan awam, aktiviti sosial dan ekonomi, serta pembinaan semula keyakinan terhadap masa depan kota ini."

"Sambutan KL Fest membuktikan terdapat permintaan yang makin membesar untuk kawasan-kawasan bersejarah berkembang menjadi ruang kebudayaan yang lebih meriah, mesra dihuni dan relevan di peringkat antarabangsa. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penggiat seni, rakan kerjasama dan komuniti, serta para pengunjung yang membantu membentuk KL Fest dan menjulang wawasannya demi kota ini."

Tatkala festival ini menghampiri garis penamat pada hujung minggu ini, KL Fest bukan sekadar meninggalkan kenangan. Festival ini meninggalkan keyakinan yang lebih teguh bahawasanya kawasan-kawasan bersejarah Kuala Lumpur mampu untuk terus berkembang sebagai denyut nadi kebudayaan bernyawa yang menyaksikan warisan, kreativiti dan komuniti kekal menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian.

TAMAT

Tentang KL Festival (KL Fest):

KL Fest ialah perayaan kota Kuala Lumpur yang utama. Pesta ini diilhamkan daripada pengiktirafan Bandar Kreatif UNESCO bagi bidang reka bentuk dan selari dengan aspirasi Warisan KL. Pesta ini turut menghidupkan Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui penglibatan kreatif, budaya dan komuniti yang mewakili persembahan tempatan dan luar negara, seni pemasangan dan aturcara awam yang mampu diakses oleh semua. KL Fest diadakan merentasi bangunan warisan dan ruangan awam dengan mentransformasikan kawasan bersejarah menjadi destinasi kebudayaan yang meriah. Untuk maklumat lanjut, layari www.klfestival.com.my



Tentang Think City

Think City ialah sebuah organisasi berimpak yang ditubuhkan pada tahun 2009 bagi mewujudkan tempat yang lebih lestari dan saksama demi manfaat semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi mereka tertumpu kepada penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial, serta ekonomi budaya. Think City merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my.

Tentang Warisan Kuala Lumpur

Warisan KL ialah sebuah inisiatif pemulihan bandar berteraskan warisan dan budaya di peringkat nasional yang bertujuan menghidupkan semula jiwa Kuala Lumpur melalui penafsiran semula serta peremajaan bangunan dan kawasan bersejarah. Inisiatif ini berhasrat menjadikan bandar raya ini lebih berdaya huni, di samping merangsang peluang baharu dalam sektor pelancongan, keusahawanan komuniti dan pembangunan komersial. Diterajui dan dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, Warisan KL merupakan satu usaha nasional yang menghimpunkan kementerian dan agensi kerajaan, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), rakan strategik sektor swasta serta komuniti untuk bersama-sama membentuk Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang dikenali dengan sejarahnya yang kaya, kepelbagaian warisan dan budaya, makanan autentik serta kreativiti. Untuk maklumat lanjut, layari: www.warisankl.my.

Untuk maklumat media lanjut, sila hubungi:

Jacinta Vythilingam | E-mel: jacintav@spinmeistercomms.com | Tel: +6012 3145935